

### Definisi Islam

Perkataan Islam dalam Bahasa Arab bermaksud : **patuh**, **taat** dan **menyerah diri**.

Manakala dari sudut istilah pula adalah : **Menyerah diri dan patuh terhadap segala suruhan Allah, serta taat setia kepadaNya tanpa sebarang pengingkaran dan ia merangkumi kesucian dari syirik dan beristiqamah (berpegang teguh) kepada Tauhid.**

Seseorang dikatakan telah masuk Islam apabila mengucapkan dua kalimah syahadah serta beramal dengan tuntutan atau makna dua kalimah syahadah ini dan seterusnya berpegang teguh dan beramal dengan rukun-rukun Islam.

### Rukun Islam

Islam didirikan atas rukun yang lima. Hal ini adalah berdasarkan Sabda Baginda Rasulullah SAW seperti berikut :

عَنْ ابْنِ عُمَرَ عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ بِنِي الْإِسْلَامِ عَلَى خَمْسَةِ عَلَى أَنْ يُوحَّدَ اللَّهُ وَإِقَامِ الصَّلَاةِ وَإِيتَاءِ  
 الزَّكَاةِ وَصِيَامِ رَمَضَانَ وَالْحَجِّ

Hadis [Ibnu Umar r.a:](#)

Nabi s.a.w telah bersabda: “Islam ditegakkan di atas lima perkara iaitu mengesakan Allah, mendirikan sembahyang, mengeluarkan zakat, berpuasa pada bulan Ramadan dan mengerjakan Haji.” (Hadith ke 19 dalam Sahih Muslim)

Rukun ini bolehlah dibahagikan seperti berikut :

